

# Hak Negeri Melayu ke Atas Pelantar Benua: Kajian Kes Malaysia Mengikut Analisis Jurisprudens Watan

*Malay States' Rights to the Continental Shelf:  
Malaysian Case Study According to Watanic  
Jurisprudence Analysis*

*Wan Ahmad Fauzi bin Wan Husain\**

## **Abstrak**

Hak kedaulatan sebuah negara ke atas wilayah perairan bukanlah isu baharu. Sebagai sebuah Negara yang merdeka, negara ini memiliki kedaulatan di dalam wilayah kekuasaannya dan kedaulatan luar berbentuk pengiktirafan antarabangsa. Pertikaian ke atas hak kewilayahan masih berlaku sehingga hari ini di antara sebuah Negara dengan Negara lain yang mengakibatkan ketegangan politik antarabangsa. Isu tempatan yang dekat dengan subjek ini yang masih berlarutan adalah hak sebuah negeri dalam Persekutuan ke atas pengeluaran petroleum. Justeru, makalah ini bertujuan untuk menganalisis hak sebuah Negeri Melayu ke atas wilayah Pelantar Benua di Malaysia, kerana di situ sumber petroleum dicari gali. Kajian ini akan membuat analisis undang-undang menggunakan reka bentuk kajian kes yang mengemukakan metod jurisprudens watan untuk menganalisis beberapa perundangan utama yang merangkumi UNCLOS, Akta Pelantar Benua 1966 dan Akta Laut Wilayah 2012. Makalah ini mendapati wilayah perairan Negeri Melayu di dalam Persekutuan tidak boleh dihadkan setakat 3 batu nautika daripada garis air surut melalui Akta Laut Wilayah 2012 tanpa mematuhi syarat ketat Perkara 2 Perlembagaan Persekutuan. Legitimasi had wilayah perairan Negeri itu amatlah penting kerana akan menentukan hak Negeri

---

\* Datuk Dr. Wan Ahmad Fauzi bin Wan Husain bertugas sebagai Profesor Madya di Institut Antarabangsa Pemikiran Islam dan Tamadun, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (ISTAC-IIUM) dan pernah menjadi pengamal undang-undang, sebagai seorang Peguambela & Peguamcara di Mahkamah Tinggi Malaya Kuala Lumpur.

ke atas Pelantar Benua dan hasil petroleum yang diiktiraf bagi sebuah negeri pantai oleh Undang-Undang Antarabangsa.

**Kata Kunci:** Hak Negeri Melayu, Wilayah Perairan, Pelantar Benua, Petroleum, Jurisprudens Watan

## **Abstract**

*The sovereign rights of a country over territorial waters are not a new issue. As an independent State, it has sovereignty within its territory and external sovereignty in the form of international recognition. Disputes over territorial rights remain between one State and another today, resulting in tensions in political relations. A local issue close to this subject that still arises is the right of a state in the Federation over petroleum production. Hence, this paper aims to analyse the rights of a Malay State over the territory of the Continental shelf of Malaysia, as it is there that petroleum resources are explored. This study is a legal analysis using a case study design promoting the method of watanic jurisprudence to analyse a few primary legislation, including UNCLOS, the Continental Shelf Act 1966, and the Territorial Sea Act 2012. This paper found that the territorial waters of the Malay State in the Federation cannot be limited to 3 nautical miles from the low tide line in pursuance of the Territorial Sea Act 2012 without strict compliance with Article 2 of the Federal Constitution. The legitimacy of the territorial limits of the State's waters is essential as it determines the State's rights to the Continental shelf and its petroleum production recognised for a coastal state by International Law.*

**Keywords:** Malay States Rights, Territorial Waters, Continental Shelf, Petroleum, Watanic Jurisprudence

## **Pengenalan**

Semasa penggubalan deraf Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957, Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu telah bersetuju bagi maksud pembentukan sebuah kerajaan Pusat yang kuat, kedaulatan mereka yang meliputi baki kuasa perundangan dan eksekutif sebagai raja dalam negeri baginda masing-masing tidak mempunyai batasan, melainkan setakat kuasa yang secara sukarela dipersetujui untuk diserahkan atau dibataskan, yang membenarkan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Parlimen untuk melaksanakan suatu kuasa perundangan, serta membenarkan Yang di-Pertuan Agong dan Jemaah Menteri

melaksanakan suatu kuasa pentadbiran *'as a single independent self-governing unit'* bagi sebuah Persekutuan.<sup>1</sup>

Syarat tersebut termaktub dalam Memorandum Cadangan DYMM Raja-Raja Melayu bertarikh 12 September 1956.<sup>2</sup> Namun begitu, didapati berlaku pelanggaran terhadap syarat yang diberikan oleh Raja-Raja Melayu apabila berlaku pindaan tanpa mematuhi peruntukan Perkara 38(4),<sup>3</sup> penggubalan akta yang bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan termasuklah pindaan ke atas Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri yang dibuat melalui Jadual Kelapan Perlembagaan Persekutuan selepas tarikh 31 Ogos 1957.<sup>4</sup>

Makalah ini bertujuan untuk menganalisis hak sebuah Negeri Melayu ke atas Pelantar Benua<sup>5</sup> seperti mana yang diiktiraf oleh undang-undang Antarabangsa dalam konteks sebuah persekutuan seperti Malaysia. Kajian di sini membataskan isu keabsahan wilayah perairan negeri yang dihadkan setakat 3 batu nautika dari garis air surut melalui Akta Laut Wilayah 2012.

Kajian ini penting kerana akan membahaskan kedudukan hak Negeri Melayu ke atas Pelantar Benua sekaligus memberikan kesan kepada aktiviti yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan Malaysia di dalam lingkungan Pelantar Benua. Banyak isu dapat diungkai seterusnya memberikan keadilan kepada Negeri Melayu yang membentuk Persekutuan apabila kedudukan Pelantar Benua disemak mengikut undang-undang dalam Perlembagaan.

---

1 Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, *Yang di-Pertuan Agong: Kedaulatan, Prerogatif dan Amalan* (Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2021) 1-15.

2 (1956) 5-15.

3 38(4) berbunyi, "Tiada undang-undang secara langsung menyentuh keistimewaan, kedudukan, kemuliaan atau kebesaran Raja-Raja boleh diluluskan tanpa persetujuan Majlis Raja-Raja."

4 Perkara 4(1) Perlembagaan Persekutuan berbunyi, "Perlembagaan ini adalah undang-undang utama Persekutuan dan apa-apa undang-undang yang diluluskan selepas Hari Merdeka dan yang berlawanan dengan Perlembagaan ini hendaklah terbatal setakat yang berlawanan itu."

5 Article 76(1) of the United Nations Convention on the Law of the Sea states, "The continental shelf of a coastal state comprises the seabed and subsoil of the submarine areas that extend beyond its territorial sea through the natural prolongation of its land territory to the outer edge of the continental margin, or to a distance of 200 nautical miles from the baselines from which the breadth of the territorial sea is measured where the outer edge of the continental margin does not extend up to that distance."

## Permasalahan Kajian

Hak ke atas Pelantar Benua masih belum dibahaskan secara mendalam meskipun itu merupakan isu pokok kepada konflik antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri khususnya Terengganu<sup>6</sup> dan Kelantan<sup>7</sup> sejak sekian lama. Isu Pelantar Benua penting dalam penentuan kedudukan sebenar hasil petroleum yang dicari gali bersambungan dengan wilayah perairan masing-masing.<sup>8</sup>

Tuntutan hasil petroleum sebagai royalti oleh Kerajaan Terengganu dan Kelantan terhadap Kerajaan Persekutuan menjadi asas untuk menterjemahkan komitmen jumlah bayaran yang lebih tinggi selaras dengan jumlah penjualannya. Sehingga kini belum ada pemerhatian mendalam tentang persoalan undang-undang yang menyentuh hak kedaulatan Negeri Melayu berlandaskan jurisprudens dibuat bagi menjawab isu pemilikan Pelantar Benua dalam sebuah Persekutuan seperti Malaysia.

## Metodologi

Makalah ini menggunakan kajian kualitatif analisis undang-undang dalam reka bentuk kajian kes. Jurisprudens watan digunakan untuk mentafsirkan peruntukan undang-undang perlembagaan yang berkaitan dengan lebih jelas kerana pendekatannya lebih bersifat tempatan.

Jurisprudens watan menganalisis isu undang-undang dan pentafsiran berdasarkan teks perlembagaan itu sendiri, statut, dan prinsip undang-undang yang diterima dalam kerangka kedaulatannya. Dengan berbuat demikian, aspek kedaulatan, sejarah tempatan dan adat dianalisis untuk menentukan sistem perlembagaan suatu negara atau kerajaan yang mengandungi falsafah, doktrin dan prinsip yang betul. Adat itu merangkumi undang-undang, amalan, budaya, resam, takrifan istilah, dan mencerminkan kefahaman tempatan berhubung dengan falsafah dan linguistik.<sup>9</sup> Falsafah dan linguistik yang terkandung dalam adat


6 Malaysiakini 24 Februari, 2023, Kelantan dan Terengganu tak layak terima royalti minyak, <<https://m.malaysiakini.com/news/656263>> diakses pada 6 Mac 2023

7 Sinar Harian 6 Mac, 2023, Kelantan tuntutan bayaran royalti minyak, <<https://sinarharian.com.my/article/248372/edisi/kelantan-tuntut-bayaran-royalti-minyak>> diakses pada 6 Mac 2023

8 Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, *Jurisprudens Watan Perlembagaan Persekutuan: Teks, Konteks & Isu-Isu Ketatanegaraan*. (Selangor, Abad Sinergi Sdn. Bhd., 2018) 37-56.

9 Wan Husain W.A.F., 'Konsep Kedaulatan Raja-Raja Melayu Menurut Kerangka Peribumi' (2017) 29(2) KANUN 41-73.

tempatan memberikan maklumat yang lebih sahih tentang suatu isu dalam perbahasan sebagaimana digambarkan oleh Carta di bawah.



Metodologi yang menjadi asas kepada jurisprudens watan diabsahkan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Indira Gandhi A/P. Mutho v. Pengarah Jabatan Agama Islam Perak & Ors and other appeals* apabila Mahkamah Persekutuan menerima pakai kaedah pentafsiran perlembagaan oleh Mahkamah Agung Kanada seperti yang berikut:

*The rules of constitutional interpretation require that constitutional documents be interpreted in a broad and purposive manner and placed in their proper linguistic, philosophic, and historical contexts ... Generally, a constitutional interpretation must be informed by the foundational principles of the Constitution, which include principles such as federalism, democracy, the protection of minorities, as well as constitutionalism, and the rule of law ... These rules and principles of interpretation have led this Court to conclude that the Constitution should be viewed as having an 'internal architecture' or 'basic constitutional structure' ... The notion of architecture expresses the principles that the individual elements of the Constitutional are linked to the others and must be interpreted by reference to the structure of the Constitution as a whole ... In other words, the Constitution must be interpreted to discern the structure of Government that it seeks to implement.*

Justeru rujukan dibuat tidak hanya terbatas kepada Laporan Suruhanjaya Reid untuk mentafsirkan peruntukan Perlembagaan Persekutuan yang berkaitan bahkan dengan meneliti pelbagai sumber berwibawa lain yang digariskan dalam kaedah pentafsiran perlembagaan oleh Mahkamah Persekutuan.

Bagi maksud di atas, sejarah asal Tanah Melayu termasuklah punca kuasa dan bentuk perundangan yang pernah berkuatkuasa akan ditonjolkan berserta statut dan kes yang telah diputuskan untuk menyokong rumusan kajian ini.

## Kepentingan Pelantar Benua

Pemilikan Pelantar Benua penting kerana menyentuh juga hak ke atas hasil petroleum yang dicari gali di dalam kawasanya. Sebuah negeri yang memiliki kawasan Pelantar Benua secara langsung mempunyai hak ke atas petroleum yang dicari gali. Kedudukan tersebut di sisi undang-undang antarabangsa akan dibahaskan selepas ini dengan meneliti aspek sejarah perundangan Negeri Melayu, undang-undang tempatan Malaysia dan undang-undang Antarabangsa.

## Sejarah Malaysia

Perlu ditegaskan bahawa Persekutuan Tanah Melayu terbentuk lebih dahulu daripada Malaysia oleh kuasa kedaulatan Raja-Raja Melayu dan penyerahan kedaulatan ke atas Negeri Selat oleh Kerajaan British kepada Yang di-Pertuan Agong.<sup>10</sup> Malaysia pada hakikatnya ialah “*a larger Federation*” apabila Persekutuan Tanah Melayu menerima masuk melalui kuatkuasa Perkara 2 Perlembagaan Persekutuan tiga buah tanah jajahan British sebagai syarat kemerdekaan mereka, iaitu Singapura, Sabah dan Sarawak.<sup>11</sup> Walau bagaimanapun, prinsip kedaulatan dan ciri asal Persekutuan Tanah Melayu di bawah Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 masih kekal.

Hubungan di antara Negeri dan Persekutuan dijelaskan dalam peruntukan di Bahagian Enam Perlembagaan Persekutuan. Parlimen hanya mempunyai kuasa setakat yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, manakala kuasa baki perundangan adalah terletak pada Dewan Perundangan Negeri<sup>12</sup>. Akta Parlimen hanya mengatasi enakmen Negeri sekiranya konflik yang berlaku itu jatuh bawah bidang kuasa Parlimen.<sup>13</sup> Persekutuan hanya sebuah unit pemerintahan yang tidak mempunyai wilayah sendiri sehinggalah berlaku penyerahan Wilayah

10 Lihat W.A.F. Wan Husain, ‘Watanic Jurisprudence: Governing Principles in Legislative Powers Under the Federal Constitution’ (2022) Vol. 2 *Journal of the Malaysian Parliament*, 130.

11 Lihat Laporan Suruhanjaya Cobbold; Perjanjian Malaysia 1963; Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, *Kedaulatan Governan Utama Negara* (Selangor, Abad Sinergi Sdn. Bhd. & Penerbit UMP, 2022) 329-334.

12 Perkara 77 Perlembagaan Persekutuan.

13 Perkara 74, 75 Perlembagaan Persekutuan; *The City Council of George Town & Anor vs The Government of the State of Penang & Anor* [1967] 1MLJ 169, FC; *Mamat bin Daud & Others vs Government of Malaysia* [1988] 1 MLJ 119.

Persekutuan Kuala Lumpur, diikuti dengan Wilayah Persekutuan Labuan dan Wilayah Persekutuan Putrajaya.<sup>14</sup>

Daripada sudut sejarah, Persekutuan Tanah Melayu bolehlah disifatkan sebagai pemersekutuan semula Kerajaan Melayu yang dahulunya berada bawah taklukan dan naungan Empayar Melayu Melaka. Empayar Melayu Melaka terubur setelah mangkatnya Sultan Mahmud II (dikenali juga sebagai Sultan Mahmud Mangkat Dijulang) di Kota Tinggi, Johor pada tahun 1699, iaitu anak cucu putera Raja Melaka.<sup>15</sup>

Pemersekutuan semula itu berlaku apabila pada 21 Januari 1948, sembilan buah Perjanjian Negeri ditandatangani di antara Kerajaan British dengan sembilan orang Raja-Raja Melayu. Negeri Sembilan ditandatangani oleh Yang di-Pertuan Besar dan lima orang Pembesar Memerintah yang merupakan pemerintah bersama bagi negeri tersebut.<sup>16</sup> Butiran penting Perjanjian Negeri 1948 adalah seperti berikut:

1. Perjanjian MacMichael dengan Raja-Raja Melayu yang telah ditandatangani dalam tahun 1945 dibatalkan (Perjanjian MacMichael).
2. Perjanjian antara British dan Raja-Raja Melayu sebelum Perjanjian MacMichael dikuatkuasakan semula selagi tidak bercanggah dengan Perjanjian Negeri 1948 dan Perjanjian Persekutuan yang akan dimuktamadkan.
3. Kedaulatan yang meliputi keistimewaan, kuasa dan bidang/kuasa Raja-Raja Melayu dalam negeri baginda masing-masing adalah diakui sama seperti yang dimiliki sebelum tarikh 1 Disember 1941 tertakluk pada peruntukan Perjanjian Persekutuan dan Perjanjian Negeri 1948.
4. Kerajaan British diberikan kuasa kawalan penuh ke atas pertahanan dan hal ehwal luar negara, atas balasan kuasa tersebut maka Kerajaan British bertanggungjawab untuk melindungi semua kerajaan dan negeri Melayu daripada ancaman luar.

---

14 Perkara 1(4) Perlembagaan Persekutuan.

15 Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, *Rekonfigurasi Epistemologi Jati Diri Melayu dan Manifestasinya ke Atas Silat Seni Gayong*, Tesis Sarjana Falsafah, (Universiti Malaysia Kebangsaan, Bangi, 2013) 90.

16 Allen, J. de, Stockwell, A.J. & Wright, L.R. (Ed.). *A Collection of Treaties and Other Documents Affecting the States of Malaysia*, Vol. 2, (London, Oceana Publications, 1981) 128.



5. Raja-Raja Melayu hendaklah menuruti nasihat penasihat British dalam semua urusan kerajaan selain daripada urusan yang berkaitan dengan agama Islam dan adat Melayu, bagaimanapun Raja-Raja Melayu berhak untuk berunding dengan Pesuruhjaya Tinggi atau Raja British melalui Setiausaha Kerajaan jika baginda merasakan perlu.
6. Raja-Raja Melayu bersetuju untuk memerintah berdasarkan peruntukan Perlembagaan Negeri dan Perjanjian Persekutuan.
7. Raja-Raja Melayu bersetuju untuk menubuhkan Majlis Mesyuarat Kerajaan (*State Executive Council*) dan Majlis Mesyuarat Negeri (*Council of State*).<sup>17</sup>

Kesan daripada Perjanjian Negeri 1948 amat besar sekali kerana telah mengesahkan kedaulatan Raja-Raja Melayu seperti mana yang wujud sebelum 1 Disember 1941 serta menghapuskan implikasi Perjanjian MacMichael dan penubuhan Malayan Union ke atas Negeri Melayu dan Raja-Raja Melayu.

Dalam pada itu, Kerajaan British mengakui wilayah sesebuah Negeri Melayu mengikut takrifan, “*such one of the Malay States as the circumstances may require and includes all dependencies, islands and places, which, on the first day of December 1941, were administered as part thereof, and the territorial waters adjacent thereto*”.<sup>18</sup>

## Persempadanan Negeri

Perjanjian Persekutuan bertarikh 5 Ogos 1957 ditandatangani oleh sembilan orang Raja-Raja Melayu dengan Ratu British melalui wakil baginda Sir Donald MacGillivray. Raja-Raja Melayu menandatangani perjanjian tersebut kerana kedaulatan mereka masih terpelihara malah diakui oleh Kerajaan British.<sup>19</sup>

Dalam Perjanjian Persekutuan 1957, Negeri Melayu ditafsirkan, “*The States of Johore, Pahang, Negri Sembilan, Selangor, Kedah, Perlis,*

17 Sebelum penubuhan Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Majlis Mesyuarat Negeri, Negeri Melayu sudah sejak ratusan tahun mempunyai sistem pemerintahan tradisional dalam bentuk syura mengikut adat Melayu.

18 The Federation of Malaya Order in Council bertarikh 26 Januari 1948.

19 Lihat Hansard Parlimen British, dlm. Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, Kedaulatan Governan Utama Negara (Selangor, Abad Sinergi Sdn. Bhd. & Penerbit UMP, 2022) 344, 348.



*Kelantan, Trengganu and Perak, and all dependencies, islands and places which, immediately before the thirty-first day of August, nineteen hundred and fifty-seven, are administered as part thereof, and the territorial waters adjacent thereto;"*

Berdasarkan Perjanjian Persekutuan 1957, sesebuah negeri terus diakui mempunyai wilayah yang meliputi tanah, pulau dan suatu kawasan yang ditadbir sebagai sebahagian daripada negeri berserta wilayah perairan yang berhampiran dengan pantainya. Raja-Raja Melayu berpegang bahawa kawalan atas tanah dalam wilayah negeri baginda masing-masing adalah sebahagian daripada manifestasi kedaulatan (*territorial sovereignty*) seperti yang diakui oleh undang-undang antarabangsa.<sup>20</sup>

Perjanjian Persekutuan 1957 menginstitusikan Persekutuan Tanah Melayu yang kemudiannya dinamakan Malaysia<sup>21</sup> setelah kemasukan Singapura, Sabah dan Sarawak. Singapura kemudiannya dikeluarkan daripada Malaysia pada tahun 1965 melalui pindaan Perlembagaan Persekutuan untuk mengesahkan keputusan Jemaah Menteri.<sup>22</sup>

Negeri yang bersekutu membentuk Persekutuan terdiri daripada Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Penang, Perak, Perlis, Sabah, Sarawak, Selangor and Terengganu.<sup>23</sup> Wilayah bagi setiap negeri dalam Persekutuan adalah wilayah yang termasuk di dalam negeri itu sebelum Hari Malaysia, iaitu 16 September 1963, kecuali wilayah yang telah diserahkan oleh negeri Selangor dan Sabah kepada Kerajaan Persekutuan.<sup>24</sup>

Kewujudan tiga buah wilayah Persekutuan dan takat persempadanan wilayah tersebut termaktub dalam Perkara 1(4) Perlembagaan Persekutuan. Perkara 1(4) berbunyi:

*Wilayah Negeri Selangor tidak termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang ditubuhkan di bawah Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) Akta 1973 dan Wilayah Persekutuan Putrajaya yang ditubuhkan di bawah Akta Perlembagaan (Pindaan) 2001 dan Wilayah Negeri Sabah tidak termasuk Wilayah Persekutuan Labuan yang ditubuhkan di bawah Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1984, dan semua Wilayah Persekutuan itu hendaklah menjadi wilayah-wilayah Persekutuan.*

20 Memorandum Cadangan DYMM Raja-Raja Melayu (1956) 36.

21 Perkara 1(1) Perlembagaan Persekutuan berbunyi, "Persekutuan adalah dinamakan Malaysia dalam Bahasa Melayu dan dalam Bahasa Inggeris."

22 Perkara 2 Perlembagaan Persekutuan.

23 Perkara 1(2) Perlembagaan Persekutuan.

24 Perkara 1(3) Perlembagaan Persekutuan.

Setakat hari ini, tiada peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan yang menyerahkan perairan Negeri Melayu kepada Kerajaan Persekutuan, bahkan sebarang perubahan perempadanan negeri sedia ada hendaklah tertakluk kepada Perkara 2 Perlembagaan Persekutuan. Perkara 2 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan;

*Parlimen boleh melalui undang-undang –*

- (a) *menerima masuk Negeri-negeri lain ke dalam Persekutuan;*
- (b) *mengubah sempadan mana-mana Negeri, tetapi undang-undang yang mengubah sempadan sesuatu Negeri tidak boleh diluluskan tanpa persetujuan Negeri itu (yang dinyatakan melalui undang-undang yang dibuat oleh Badan Perundangan Negeri itu) dan Majlis Raja-Raja.*

## **Perempadanan Semula Wilayah Negeri**

Perempadanan semula atau perubahan kepada sempadan wilayah negeri hanya berlaku buat pertama kalinya pada 1 Februari 1974 apabila pindaan Perlembagaan Persekutuan melalui Akta A206 berkuatkuasa. Pindaan ini hanya melibatkan negeri Selangor yang menyerahkan seluas 40,593.14 hektar wilayahnya kepada Kerajaan Persekutuan atas balasan sebanyak RM3.5 billion untuk membentuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.<sup>25</sup>

Perubahan sempadan ini tidak melibatkan perairan negeri Selangor kerana wilayah Kuala Lumpur tidak bersambung dengan lautan. Untuk mencapai legitimasi pembentukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, rang undang-undang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Selangor sekaligus meminda Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor.<sup>26</sup> Proses yang sama berlaku pada peringkat Parlimen melalui Akta A206 untuk meminda Perkara 1(3) dan Perkara 1(4) Perlembagaan Persekutuan.

Pindaan wilayah memerlukan perkenan Majlis Raja-Raja. Prosiding yang melibatkan apa jua undang-undang yang mengubah sempadan sesuatu negeri akan diputuskan oleh Majlis Raja-Raja, dalam bidang kuasa ini raja-raja bertindak atas budi bicara, tanpa tertakluk kepada nasihat Eksekutif.<sup>27</sup>

25 Perjanjian Penyerahan Kuala Lumpur bertarikh pada 1 Februari 1974 antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Selangor di Istana Negara.

26 Enakmen Wilayah Persekutuan 1973 (En. No. 4/1973); Enakmen (Pindaan) Undang-Undang Tubuh Selangor 1974 (En. No. 7/1974).

27 Perkara 38(6)(c) Perlembagaan Persekutuan.

Perjanjian Penyerahan Kuala Lumpur sebagai Wilayah Persekutuan telah disaksikan oleh Raja-Raja Melayu di Istana Negara pada 1 Februari 1974. Kerajaan Selangor diwakili oleh Al-Marhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj Ibni Al-Marhum Sultan Hisamuddin Alam Shah, Sultan Selangor manakala Kerajaan Persekutuan diwakili oleh Tuanku Abdul Halim Muadzam Shah Ibni Al-Marhum Sultan Badlishah, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Penyerahan Wilayah Kuala Lumpur telah mematuhi peruntukan mandatori Perkara 2 Perlembagaan Persekutuan yang mensyaratkan 3 perkara yang berikut, iaitu:

1. melalui undang-undang yang diluluskan di Parlimen;
2. melalui undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri bagi Negeri yang terbabit dengan persempadanan semula; dan
3. perkenan Majlis Raja-Raja.

Mengulas mengenai pembentukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Abdul Aziz Bari et. al,<sup>28</sup> menulis seperti yang berikut:

*It was held<sup>29</sup> that through an amendment to the Constitution, the Federal Territory was constitutionally exercised from the State of Selangor. This amendment came into force on 1 February 1974. The amendment also provides that the Federation shall exercise sovereignty over the Federal Territory. It follows that all powers and jurisdictions in or in respect of the newly-created Federal Territory shall be vested in the Federation. The amendment also has for the purpose of art. 2(a)-admitted the newly-created Federal Territory to the Federation. It was argued in the High Court that the Federal Territory was res nullius or no man's land and that the high court was sitting in the middle of nowhere. It must be noted that until 1 February 1974, the Federation of Malaysia essentially was just a legal entity; without a physical presence.*

Penyerahan wilayah Labuan oleh Kerajaan Sabah dan wilayah Putrajaya oleh Kerajaan Selangor juga berlaku dengan mematuhi peruntukan Perkara 2 Perlembagaan Persekutuan.<sup>30</sup> Penerimaan masuk wilayah Labuan dan Putrajaya berlaku melalui pindaan ke atas Perkara 1(4)

28 (Third Edition) *Constitution of Malaysia, Text and Commentary* (Selangor, Prentice Hall 2009) 4.

29 Hen Chean Seng & Anor v Public Prosecutor [1983] 1MLJ 297,298.

30 Perkara 1(4) Perlembagaan Persekutuan.

Perlembagaan Persekutuan. Pindaan yang sama juga diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Sabah melalui Enakmen Wilayah Persekutuan Labuan 1984 dan Dewan Undangan Negeri Selangor melalui Enakmen Wilayah Persekutuan Putrajaya 2000 untuk meminda perlembagaan negeri masing-masing.

Berbeza dengan isu kemasukan sebuah negeri dalam Persekutuan. Prosedur dalam kes penerimaan masuk sesebuah negeri baharu tanpa melibatkan perubahan sempadan negeri lain telah dibahaskan dalam Saman Kerajaan Kelantan terhadap Tunku Abdul Rahman Al-Haj.<sup>31</sup> Mahkamah Agung memutuskan Parlimen mempunyai kuasa di bawah Perkara 159 Perlembagaan Persekutuan<sup>32</sup> untuk meminda Perkara 1(1) dan 1(2) Perlembagaan Persekutuan tanpa kehendak undi majoriti dua per tiga bagi maksud untuk menerima sesebuah negeri baharu ke dalam Persekutuan. Thomson CJ yang mengetuai panel Mahkamah Agung menegaskan seperti yang berikut:

*In ... (amending the said provisions).. I cannot see that Parliament went in any way beyond its powers or that it did anything so fundamentally revolutionary as to require fulfilment of a condition that the Constitution itself does not prescribe, that is to say, condition to the effect that the State of Kelantan or any other State should be consulted.<sup>33</sup>*

## Hak Kedaulatan Negeri

Sembilan buah Negeri Melayu iaitu Johor, Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Selangor dan Terengganu mempunyai kedaulatan yang terpelihara malah diakui oleh Kerajaan British sebelum mereka bersekutu untuk membentuk Persekutuan Tanah Melayu,<sup>34</sup> Negeri Melayu merupakan negeri di bawah Perlindungan (*Protectorate States*), bukanlah dijajah.

31 The Government of the State of Kelantan v the Government of the Federation of Malaya & Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj [1963] MLJ 355.

32 159(4)(bb) berbunyi, "tertakluk kepada Perkara 161E apa-apa pindaan yang dibuat bagi atau berkaitan dengan penerimaan masuk mana-mana Negeri ke dalam Persekutuan atau pergabungannya dengan Negeri-Negeri Persekutuan, atau apa-apa ubah suaian yang dibuat tentang pemakaian Perlembagaan ini bagi sesuatu Negeri yang diterima masuk atau bergabung sedemikian sebelum itu;"

33 The Government of the State of Kelantan v the Government of the Federation of Malaya & Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj [1963] MLJ 359A.

34 Terkandung dalam sembilan buah Perjanjian Negeri bertarikh 21 Januari 1948 yang ditandatangani oleh sembilan orang Raja Melayu dengan Raja British yang diwakili oleh Sir Gerard Edward James Gent.

Kedudukan Raja Melayu sebagai ketua Kerajaan yang berdaulat dan berkuasa terpelihara sepanjang tempoh campur tangan British di Tanah Melayu. Antara dalil yang menunjukkan kekuasaan dan kedaulatan Raja-Raja Melayu diiktiraf oleh British ialah kes *Mighell*<sup>35</sup> dan *Duff Development Co.*<sup>36</sup> Secara perundangannya menurut Braddell,<sup>37</sup> hubungan Kerajaan Great Britain dengan Negeri Melayu Bersekutu adalah bagi maksud perlindungan dan bantuan dalam pemerintahan yang masih di bawah Sultan masing-masing. Walaupun Sultan dikehendaki bertindak atas nasihat Residen namun tugas asasi Residen adalah untuk memberikan nasihat, bukannya memerintah.

Kedaulatan Raja-Raja Melayu sehingga kini masih dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan sepertimana yang diperuntukkan dalam Perkara-perkara 181(1) dan 71(1). Perkara 181(1) berbunyi:

*Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini, kedaulatan, hak kedaulatan, kuasa dan bidangkuasa Raja-Raja dan hak kedaulatan, kuasa dan bidangkuasa Pembesar-Pembesar Memerintah Negeri Sembilan dalam wilayah mereka masing-masing sebagaimana yang telah ada dan dinikmati hingga sekarang adalah tetap tidak tersentuh.*

Perkara 71(1) pula berbunyi;

*Persekutuan adalah menjamin hak Raja sesuatu Negeri untuk mewarisi dan memegang, menikmati dan menjalankan hak-hak Perlembagaan dan keistimewaan-keistimewaan Raja Negeri itu mengikut Perlembagaan Negeri itu;*

Selain daripada Negeri yang bersekutu membentuk Malaysia sepertimana tersebut di atas, kini terdapat tiga buah wilayah Persekutuan yang terdiri daripada Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya yang terletak di bawah kedaulatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.<sup>38</sup>

35 *Mighell v. the Sultan Johor* [1894]

36 *Duff Development Co. v. The state of Kelantan* [1924] AC 797; Lihat Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, *Kedaulatan Raja-Raja Melayu: Jurisprudens, Governan & Prinsip Perlembagaan Persekutuan* (Selangor, Abad Sinergi Sdn. Bhd., 2018).

37 Braddell, R. *The Legal Status of the Malay States* (Singapore: The Malaya Publishing House Limited., 1931).

38 Seksyen 4 Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1984; Akta Perlembagaan, Akta Perlembagaan (Pindaan) 2001; dan Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1973.

## Penginstitutionan Kerajaan Persekutuan

Perjanjian Negeri 1948 adalah batu asas kepada penginstitutionan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu, sebelum ia dinamakan sebagai Malaysia. Perjanjian tersebut membuktikan Raja-Raja Melayu kekal berdaulat dan menunjukkan sumber kuasa sebenarnya terhadap terbentuknya Persekutuan Tanah Melayu yang bebas daripada campurtangan British pada 31 Ogos 1957.<sup>39</sup>

Kedudukan tersebut jelas termaktub dalam Fasal 2 Perjanjian Negeri 1948 yang memperuntukkan seperti yang berikut:

*Federation Agreement means the Agreement which is to be made between His Majesty and Their Highnesses the Rulers of the Malay States of Johore, Pahang, Negri Sembilan, Selangor, Perak, Kedah, Perlis, Kelantan and Trengganu for the establishment of the Federation, and includes any amendment thereof;*

Batu asas tersebut diletakkan oleh Raja-Raja Melayu selaras dengan kedaulatan yang dimiliki oleh baginda bersalasilah daripada Empayar Melayu Melaka, yang apabila Parameswara memeluk agama Islam, pemerintah atau raja adalah berkedudukan sebagai bayangan Allah SWT di atas bumi.<sup>40</sup> Atas pegangan akidah Islam maka Raja-Raja Melayu memiliki kedaulatan yang pada hakikatnya adalah milik mutlak Allah SWT dalam bentuk satu amanah pemerintahan (*sovereignty trust*).<sup>41</sup>

Perjanjian Negeri 1948 juga antara lain, merakamkan persetujuan Raja-Raja Melayu untuk memerintah berdasarkan perlembagaan bertulis. Tertakluk kepada prerogatif Raja-Raja Melayu, kuasa nyata Raja-Raja akhirnya melalui Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 didelegasi dan/atau diserahkan kepada Perlembagaan Persekutuan dengan syarat yang termaktub dalam perlembagaan tersebut.

39 Wan Ahmad Fauzi Wan Hussain et. al, 'Raja-Raja Dalam Penginstitutionan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957: Satu Kajian Sejarah Perundangan' (2017) 2(1) Journal of Nusantara Studies (JONUS) 27-39.

40 Andaya, B. W. & Andaya, L. Y, *A History of Malaysia* (Hong Kong, Macmillian Press, 1984) 53-55.

41 Firman Allah SWT dalam Surah Ali 'Imran 3:26 bermaksud; "Katakanlah (Wahai Muhammad); Wahai Tuhan yang mempunyai kuasa pemerintahan! Engkaulah yang memberi kuasa pemerintahan kepada sesiapa yang engkau kehendaki dan engkaulah yang mencabut kuasa pemerintahan daripada sesiapa yang Engkau kehendaki. Engkaulah juga yang memuliakan sesiapa yang Engkau kehendaki dan Engkaulah yang menghina sesiapa yang Engkau kehendaki. Dalam kekuasaan Engkaulah sahaja adanya segala kebaikan. Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu."; Wan Ahmad Fauzi Wan Husain. Konsep Kedaulatan Raja-Raja Melayu Menurut Kerangka Peribumi. 29 *KANUN* (2) *JULAI* 2017: 41-73.

Hasil rundingan di antara Raja-Raja Melayu dengan Kerajaan British, dengan mengambil kira pandangan daripada Partai Perikatan, Persatuan Islam Sa-Malaya dan lain-lain badan bebas yang mewakili suara rakyat, maka Raja-Raja Melayu bersetuju takat kuasa mereka diperturunkan kepada Persekutuan di bawah pemerintahan Yang di-Pertuan Agong melalui Perjanjian Persekutuan 1957.<sup>42</sup> Perjanjian Persekutuan 1957 bertujuan untuk membentuk sebuah persekutuan baharu 'self-government', termasuklah penyerahan kedaulatan Pulau Pinang dan Melaka oleh Kerajaan British kepada Persekutuan Tanah Melayu dan pembebasan Negeri Melayu daripada campurtangan pentadbiran British secara mutlak.

Dalam *Federation of Malaya Independence Act, 1957*, Seksyen 1(2)(b) memaktubkan seperti yang berikut:

*For the termination of Her Majesty's sovereignty and jurisdiction in respect of the said Settlements, and of all other Her power and jurisdiction in and in respect of the Malay States or the Federation as a whole, and the revocation or modification of all or any of the provisions of the Federation of Malaya Agreement, 1948, and of any other agreements in force between Her majesty and the Rulers of the Malay States.*

Meskipun rundingan bagi pembentukan Perlembagaan Persekutuan 1957 diseliakan oleh sebuah Suruhanjaya yang dipengerusikan oleh Lord Reid, namun bidangkuasa Suruhanjaya Lord Reid hanya setakat mencadangkan draf sebuah perlembagaan dalam bentuk sebuah persekutuan dengan mengambil kira struktur asas perlembagaan Negeri sedia ada berlandaskan terma rujukan yang ditetapkan.<sup>43</sup> Dengan kata lain,, Suruhanjaya Reid ialah *the drafter of the proposed constitution* manakala Raja-Raja Melayu dan Ratu British sebenarnya *the maker of the Constitution*.<sup>44</sup> Sebahagian draf Perlembagaan yang dibentangkan oleh Suruhanjaya Reid pada Februari 1957 telah dipinda oleh sebuah Jawatankuasa Kerja yang terdiri daripada wakil Raja-Raja Melayu, Partai

---

42 Pada Ketika ini, Kerajaan Negeri Melayu sudah pun mempunyai Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri masing-masing dalam bentuk moden yang dikuatkuasakan melalui kedaulatan Raja-Raja Melayu.

43 W. A. Fauzi Wan Husain. (2021), *Watanic Jurisprudence: Articulating the Legitimate Elements of the Basic Structure of the Federal Constitution*. IIUM Law Journal 29(1): 1-2.

44 Penglibatan Ratu British dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 kerana baginda menyerahkan kedaulatan ke atas Pulau Pinang dan Melaka kepada Persekutuan Tanah Melayu yang diketuai oleh Yang di-Pertuan Agong.



Perikatan dan dipengerusikan oleh Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu.<sup>45</sup>

Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu akhirnya ditandatangani pada 5 Ogos 1957 oleh semua Raja Melayu dengan Pesuruhjaya Tinggi Sir Donald MacGillivray bagi pihak Ratu Britis.<sup>46</sup> Tanpa persetujuan Raja-Raja Melayu pastinya Perlembagaan dan Kerajaan Persekutuan tidak akan wujud seperti pada hari ini.

### Had Perairan 3 batu Nautika

Pada 13 Mei 1969 telah tercetus satu peristiwa berdarah akibat daripada isu perkauman. Berikutan itu, Yang di-Pertuan Agong pada 15 Mei 1969 mengeluarkan satu Proklamasi Darurat bagi mengawal keselamatan dan ketenteraman awam di seluruh negara.

Akibat daripada Proklamasi itu, Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) No. 7 1969 [P.U. (A) 307A/1969] dibuat menggunakan peruntukan kuasa dalam Perkara 150(2) Perlembagaan Persekutuan. Perkara 150(2) berbunyi:

*Perisytiharan Darurat di bawah Fasal (1) boleh dikeluarkan sebelum berlakunya kejadian yang mengancam keselamatan, atau kehidupan ekonomi, atau ketenteraman awam dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya jika Yang di-Pertuan Agong berpuas hati bahawa ada kemungkinan yang hampir akan berlakunya kejadian yang mengancam itu.*

Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) No. 7 1969 memperuntukkan seperti yang berikut:

*For the purpose of the Continental shelf act, 1966, the Petroleum Mining act, 1966, the National Land Code and any written law relating to land in force in Sabah and Sarawak, any reference to territorial waters therein shall in relation to any territory be construed as a reference to such part of the sea adjacent to the coast thereof not exceeding three nautical miles measured from the low-water mark.*

Kewajaran untuk menghadkan perairan negeri setakat 3 batu nautika dari garis air surut sesungguhnya perlu dipersoalkan kerana Parlimen

45 Federation of Malaya Constitutional Proposal 1957.

46 Wakil rakyat dan pemimpin Parti Perikatan tidak terlibat untuk menandatangani Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957, itu menunjukkan kontrak sosial tidak wujud dalam kerangka Perlembagaan Persekutuan, sebaliknya penubuhan Persekutuan Tanah Melayu berpaksikan kepada kedaulatan Raja-Raja Melayu menurut adat Melayu.

atau Kerajaan Persekutuan sudah mempunyai bidangkuasa yang cukup atas pertahanan bagi Persekutuan dan keselamatan dalam negeri.<sup>47</sup> Apabila Proklamasi Darurat yang dikeluarkan oleh Yang di-Pertuan Agong pada 15 Mei 1969 telah diumumkan oleh Dewan Rakyat pada 24 November dan Dewan Negara pada 20 Disember 2011 maka semua Ordinan Darurat yang dibuat melalui Proklamasi Darurat itu terhenti berkuatkuasa apabila habis tempoh enam bulan bermula dari tarikh sesuatu Proklamasi Darurat diumumkan.<sup>48</sup>

Kesan daripada itu, berkuatkuasa dari 21 Jun 2012, wilayah air Negeri adalah meliputi semua kawasan yang bersambung dengannya seluas yang diiktiraf oleh undang-undang Antarabangsa bagi sebuah negeri pantai (*a coastal state*).

## Status Akta Laut Wilayah 2012

Akta Laut Wilayah 2012 digubal untuk menggantikan Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu), No. 7 1969 yang telah terhenti berkuatkuasa apabila Proklamasi Darurat 1969 diumumkan oleh Dewan Negara pada 20 Disember 2011.

Seksyen 3(3) Akta Laut Wilayah 2012 mentafsirkan laut wilayah (*territorial sea*) sebagai:

*Bagi maksud Akta Pelantar Benua 1966 [Akta 83], Akta Perlombongan Petroleum 1966 [Akta 95], Kanun Tanah Negara [Akta 56/65] dan mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan tanah yang berkuatkuasa di Sabah dan Sarawak, apa-apa sebutan mengenai laut wilayah dalamnya hendaklah berhubungan dengan mana-mana wilayah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai bahagian laut itu yang berdampingan dengan pantai wilayah itu tidak melebihi 3 batu nautika diukur dari garis air surut.*

Peruntukan Seksyen 3 Akta Laut Wilayah 2012 bermaksud untuk menghadkan wilayah perairan sesebuah Negeri hanya pada 3 batu nautika dari garis air surut, ini secara langsung telah mengubah persempadanan Negeri.

Seksyen 4 Akta Laut Wilayah 2012 pula meletakkan hak kedaulatan ke atas laut wilayah pada dan dijalankan oleh Yang di-Pertuan Agong sebagai hak Malaysia. Ini pastinya telah menyentuh dan mengambil hak kedaulatan Raja-Raja ke atas negeri baginda masing-masing sepertimana

---

47 Butiran 2 dan 3, Jadual Kesembilan Senarai Persekutuan, Perlembagaan Persekutuan

48 Lihat Mukaddimah Akta Wilayah Lautan 2012; dan Perkara 150(7) Perlembagaan Persekutuan.

yang dijamin oleh Perkara 181(1) dan Perkara 71(1) Perlembagaan Persekutuan.

Perkara 2(b) Perlembagaan Persekutuan, sepertimana yang diulas, mengenakan syarat tertentu jika perubahan sempadan Negeri hendak dibuat. Dalam hal ini, Parlimen hendaklah terlebih dahulu mematuhi syarat atau sekatan yang dikenakan sebelum boleh melaksanakan kuasa membuat undang-undang sedemikian.<sup>49</sup>

Justeru, Seksyen 3 dan 4 Akta Laut Wilayah 2012 hanya boleh dikuatkuasakan setelah mematuhi syarat yang ditetapkan oleh Perkara 2 Perlembagaan Persekutuan. Dalam satu sudut yang lain, Seksyen 3 dan 4 Akta Laut Wilayah 2012, bercanggah dengan Perkara 1(3) Perlembagaan Persekutuan. Berkaitan dengan Akta Laut Wilayah 2012 juga, Dewan Undangan Negeri Kelantan merupakan negeri pertama meluluskan usul menolak Akta tersebut.<sup>50</sup> Usul pada 5 November 2015 tersebut bertujuan untuk menolak pemakaian Akta Laut Wilayah 2012 ke atas negeri Kelantan.

## Pemilikan kawasan Pelantar Benua

Pelantar Benua<sup>51</sup> ditafsirkan sebagai *“dasar laut dan tanah di kawasan bawah laut yang bersempadanan dengan pantai Malaysia tetapi di luar had perairan wilayah Negeri, yang permukaannya terletak sedalam tidak lebih dua ratus meter di bawah permukaan laut, atau, jika kedalaman air di luar sempadan itu membolehkan pengeksploitasian sumber alam di kawasan tersebut, terletak lebih dalam lagi;”*

Yang dimaksudkan oleh tafsiran kawasan Pelantar Benua ialah suatu kawasan di luar wilayah perairan Negeri (*territorial waters*). Tafsiran yang menghadkan perairan Negeri tidak melebihi 3 batu nautika dari garis air surut kini boleh dipertikai. Ini kerana Proklamasi Darurat 1969 telah diungkaikan dan terhenti berkuatkuasa pada 21 Jun 2012 manakala Akta Laut Wilayah 2012 tidak mematuhi syarat Perkara-perkara 2(b) dan 38(4) Perlembagaan Persekutuan.

Undang-Undang Laut Antarabangsa telah digubal dalam Konvensyen Bangsa-Bangsa Bersatu di Montego Bay pada 10 Disember 1982 (*United Nations Convention on the Law of the Sea*). Malaysia telah menandatangani

49 Perkara 74(3) berbunyi, “Kuasa untuk membuat undang-undang yang diberikan oleh Perkara ini boleh dijalankan tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan oleh Perlembagaan ini mengenai mana-mana perkara tertentu”.

50 Bernama 5 November 2015.

51 Seksyen 2 Akta Pelantar Benua 1966.

suratcara ratifikasi pada 14 Oktober 1996, oleh hal demikian menurut Perkara 308 Konvesyen tersebut, mula berkuatkuasa setakat yang berkenaan dengan Malaysia pada 14 November 1996.

Penyertaan dalam Konvesyen ini amat penting untuk mengukuhkan kedaulatan undang-undang dalam perhubungan antarabangsa. Bernard H. Oxman<sup>52</sup> menyifatkan seperti yang berikut:

*The core idea of the Convention is a fundamental shift to multilateralism from unilateralism in the development of the law of the sea. Basic to the Convention's structure are numerous duties to report to, consult, obtain approval from, and respect rules promulgated by various international organizations, including not only the International Sea-Bed Authority but other competent international organizations, including the International Maritime Organization.*

United Nations Convention on the Law of the Sea (UNCLOS) telah mengiktiraf bahawa kedaulatan Negeri Pantai (*coastal state*) melepasi wilayah Tanah. Perkara 2(1) UNCLOS memperuntukkan seperti berikut;

*The sovereignty of a coastal State extends, beyond its land territory and internal waters and, in the case of an archipelagic state, its archipelagic waters, to an adjacent belt of sea, described as the territorial sea.*

Perkara 76(1) UNCLOS seterusnya memperuntukkan seperti yang berikut:

*The continental shelf of a coastal state comprises the seabed and subsoil of the submarine areas that extend beyond its territorial sea throughout the natural prolongation of its land territory to the outer edge of the continental margin, or to a distance of 200 nautical miles from the baselines from which the breadth of the territorial sea is measured where the outer edge of the continental margin does not extend up to that distance.*

Secara ringkasnya, UNCLOS meletakkan kawasan Pelantar Benua sejauh 200 batu nautika dari garis dasar keluasan laut wilayah diukur, berada bawah hak kedaulatan negeri pantai.

Walaupun "*coastal State*" dalam UNCLOS merujuk sebuah negara, namun dalam konteks Malaysia sebagai sebuah Negara Persekutuan, sesuai dengan peruntukan Perkara 1(1), (2), (3) dan (4) Perlembagaan Persekutuan, hak kedaulatan atas Pelantar Benua adalah terletak dalam

---

52 Professor of Law, University of Miami School of Law. The Rule of Law and the United Nations Convention on the Law of the Sea. 7 EJIL (1996) 353-371.

perairan pantai Negeri masing-masing mengikut kaedah ukuran yang ditetapkan oleh UNCLOS.

Laut Wilayah yang berada bawah kekuasaan Kerajaan Persekutuan dalam konteks negeri pantai hanyalah setakat Labuan sesuai dengan maksud peruntukan Perkara 1(4) Perlembagaan Persekutuan. Ini kerana Negeri di bawah Perkara 1(2) Perlembagaan Persekutuan mempunyai wilayah sempadan masing-masing sebelum mereka bersekutu dalam Malaysia.<sup>53</sup>

Walaupun kuasa perundangan dalam hal-ehwal luar negeri termasuklah triti, perjanjian dan konvensyen dengan negara lain dan segala perkara yang menghubungkan Persekutuan dengan mana-mana negara lain; pelaksanaan triti, perjanjian dan konvensyen dengan negara lain; dan organisasi antarabangsa; penyertaan dalam bidang antarabangsa dan pelaksanaan keputusan yang diambil dalam badan itu;<sup>54</sup> adalah berada bawah Parlimen, namun semua ini adalah tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan oleh Perlembagaan Persekutuan mengenai mana-mana perkara tertentu.<sup>55</sup>

Syarat dan sekatan memberi suatu maksud yang luas, dan hendaklah termasuk semua perkara yang secara jelas jatuh dalam bidangkuasa Negeri, dan kuasa baki perundangan (*residual power legislation*) sepertimana yang diperuntukkan oleh Perkara 74(2) dan 77 Perlembagaan Persekutuan. Perlembagaan Persekutuan dalam hubungan antarabangsa, memberi kuasa perundangan kepada Parlimen untuk membuat undang-undang berbentuk dasar dan memberi mandat kepada Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan dasar tersebut bagi menjaga hak kepentingan Kerajaan Persekutuan juga hak kepentingan Kerajaan Negeri.<sup>56</sup>

Seperti yang dijelaskan, UNCLOS mengiktiraf kedaulatan sesebuah negeri pantai melepasi wilayah darat hingga meliputi Pelantar Benua sejauh 200 batu nautika dari garis dasar keluasan laut wilayah diukur.

---

53 Perkara 1(3) Perlembagaan Persekutuan.

54 Perenggan 1 [butiran (a), (b) dan (d)] Senarai 1 Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan.

55 Perkara 74(3) Perlembagaan Persekutuan.

56 Thomson CJ dalam Kes *The Government of the State of Kelantan v the Government of the Federation of Malaya & Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj* [1963] MLJ 358J-359A menegaskan, "*The real question is not whether any such radical change will, in fact, result from what has been done by Parliament and the executive but whether Parliament or the Executive Government has trespassed in any way the limits placed on their powers by the constitution.....*"

Memandangkan Malaysia ialah sebuah Persekutuan yang terdiri daripada Negeri-Negeri Melayu, Sabah dan Sarawak, maka negeri pantai hendaklah mempunyai maksud negeri-negeri dalam Persekutuan yang mempunyai pantai.

Pentafsiran negeri pantai selain daripada ini akan bercanggah dengan peruntukan Perlembagaan. Khususnya, tanah dan perairan pada asalnya adalah milik Negeri melainkan diserahkan mengikut peruntukan Perkara 2(b) Perlembagaan Persekutuan. Bukan itu sahaja, juga akan melibatkan hak kedaulatan Raja-Raja dan Kuasa Baki Perundangan yang dijamin oleh Perlembagaan kerana isu Pelantar Benua tidak disebut dalam mana-mana senarai dalam Jadual Kesembilan.<sup>57</sup>

## Rumusan

Memandangkan Akta Laut Wilayah tersebut melampaui batas Perlembagaan yang diperuntukan oleh Perkara 1(3) dan Perkara 2(b) maka ia dengan sendirinya tidak boleh dikuat kuasa tanpa pematuhan syarat yang ketat mengikut Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri masing-masing serta Perkara-perkara 2 dan 38(4) Perlembagaan Persekutuan.

Prosiding mahkamah perlu dibuat untuk membatalkan penguatkuasaan peruntukan Akta Laut Wilayah 2012 yang mengubah sempadan wilayah perairan Negeri, begitu juga peruntukan yang sama dalam Akta Pelantar Benua 1966, Akta Perlombongan Petroleum 1966, Akta Laut Wilayah 2012, Akta Zon Ekonomi Eksklusif 1984 atau mana-mana akta yang memberikan implikasi yang sama. Tindakan tersebut dapat mengembalikan hak ke atas hasil petroleum kepada Negeri Melayu yang memiliki kawasan Pelantar Benua.

Pihak Kerajaan Negeri Melayu khususnya yang mempunyai pantai sewajarnya mengambil langkah yang proaktif dalam isu hak kedaulatan ke atas Pelantar Benua demi melindungi hak dan kepentingan mereka. Justeru, dicadangkan Kerajaan Negeri Melayu mengemukakan rang undang-undang Pelantar Benua Negeri bagi menetapkan hak kedaulatan dan wilayah milik Negeri seperti diwarisi pada tarikh Hari Persekutuan Tanah Melayu 1957 dan diiktiraf oleh undang-undang Antarabangsa bagi sebuah negeri pantai.

---

57 Perkara 77 Perlembagaan Persekutuan.

## Rujukan

- Allen J. de V., Stockwell A.J. & Wright L.R. (eds), *A Collection of Treaties and Other Documents Affecting the States of Malaysia Vol. 2* (London, Oceana Publication, 1981).
- Andaya BW and Andaya LY, *A History of Malaysia* (London, Reprinted, Macmillan 1991).
- Bernard H. Oxman, *The Rule of Law and the United Nations Convention on the Law of the Sea*. (1996) 7 EJIL 353-371.
- Braddell, R., *The Legal Status of the Malay States*. (The Malaya Publishing House Limited, 1931).
- Civil Law Act 1956 (Revised 1972).
- Cobbold Commission Report 1962.
- Continental Shelf 1966.
- Constitution (Amendment) (No. 2) Act 1973 [Act A206].
- Constitution (Amendment) (No. 2) Act 1984 [Act A585].
- Constitution (Amendment) Act 2001 [A1095].
- Constitutional Working Committee Report, 18 November 1946.
- Duff Development Co. v. The state of Kelantan [1924] AC 797.
- Enakmen (Pindaan) Undang-undang Tubuh Selangor 1974 (En. No. 7/1974).
- Exclusive Economic Zone Act 1984.
- Federation Agreement of Malaya 1948.
- Federation Agreement of Malaya 1957.
- Federal Constitution 1957
- Federation of Malaya Constitutional Proposal 1957.
- Hen Chean Seng & Anor v Public Prosecutor [1983] 1MLJ 297,298.
- Indira Gandhi A/P. Mutho v. Pengarah Jabatan Agama Islam Perak & Ors and other appeals [2018] MLJU 69.



Kuala Lumpur Agreement Between Federal Government with the State Government, 28 January 1974.

Malaysiakini 24 Februari, 2023, Kelantan dan Terengganu tak layak terima royalty minyak, <<https://m.malaysiakini.com/news/656263>> accessed 6 March 2023.

Mamat bin Daud & Others vs Government of Malaysia [1988]1 MLJ 119.

Memorandum of Proposal by Their Royal Highnesses the Malay Rulers Malay, 12 September 1956.

Mighell v. the Sultan Johor [1894].

National Land Code 1965.

Perjanjian Malaysia 1963.

Perlembagaan Persekutuan (Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Malaysia, 2010).

Petroleum Development Act 1974.

Petroleum Mining Act 1966.

Reid Commission, Report of the Federation of Malaya Constitutional Commission 1957 (Her Majesty's Stationery Office, 1957).

Smith S.C., British Relations with the Malay Rulers from Decentralization to Malayan Independence 1930-1957 (Oxford University Press, 1995).

Sinar Harian 6 Mac, 2023, Kelantan tuntutan bayaran royalty minyak <<https://sinarharian.com.my/article/248372/edisi/kelantan-tuntut-bayaran-royalti-minyak>> accessed 6 March 2023.

Territorial Sea Act 2011.

The City Council of George Town & Anor vs The Government of the State of Penang & Anor [1967] 1MLJ 169.

The Federation of Malaya Order in Council, 26 January 1948.

The Government of the State of Kelantan v the Government of the Federation of Malaya & Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj [1963] MLJ 358J-359A.

United Nations Convention at Montego Bay, 10 December 1982.

Wan Ahmad Fauzi Wan Hussain, Anisah Che Ngah, Mohamed Anwar Omar Din, and Hanif Md Lateh., 'Raja-Raja Dalam Penginstitusian Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957: Satu Kajian Sejarah Perundangan' (2017) 2(1) *Journal of Nusantara Studies (JONUS)* 27-39.

Wan Ahmad. Fauzi Wan Husain, *Rekonfigurasi Epistemologi Jati Diri Melayu dan Manifestasinya ke Atas Silat Seni Gayong*, Disertasi Tesis Sarjana Falsafah, Universiti Malaysia Kebangsaan, Bandar Baru Bangi, 2013.

Wan Husain W.A.F., 'Konsep Kedaulatan Raja-Raja Melayu Menurut Kerangka Peribumi' (2017) 29(2) *KANUN* 41-73.

Wan Husain W.A.F., 'Watanic Jurisprudence: Articulating the Legitimate Elements of the Basic Structure of the Federal Constitution' (2021) 29(1) *IIUM Law Journal* 1-2.

Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, *Kedaulatan Raja-Raja Melayu: Jurisprudens, Governan & Prinsip Perlembagaan Persekutuan* (Selangor, Abad Sinergi Sdn. Bhd., 2018).

Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, *Jurisprudens Watan Perlembagaan Persekutuan: Teks, Konteks & Isu-Isu Ketatanegaraan*. (Selangor, Abad Sinergi Sdn. Bhd., 2018).

Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, *Yang di-Pertuan Agong: Kedaulatan, Prerogatif dan Amalan* (Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2021).

Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, *Kedaulatan Malaysia Governan Utama Negara* (Selangor, Abad Sinergi Sdn. Bhd. & Penerbit UMP, 2022).